



CHRIS.



CHRIS (lapan dari kanan) bergambar bersama rakan-rakan PALAPES Laut.

# Pelajar susah UMS cemerlang dalam akademik dan pasukan beruniform

NST 27.11.2014 f  
OLEH MARRYAN RAZAN  
(marrayan@newsabah-  
times.com.my)

**KOTA KINABALU:** Kesusahan hidup tidak menghalang Christopher Pok Yong Hao, 23, mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang akademik dan pasukan beruniform.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan, Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu meraih anugerah kelas pertama pada Majlis Konvokesyen UMS ke-16 selepas cemerlang dalam keputusan akademik sekali gus menerima anugerah berkenaan sejak program Sains Sukan diperkenalkan di UMS pada tahun 2005.

Christopher yang berasal dari Melaka berkata, pembiayaan pengajiannya dan adik beradiknya selama ini bergantung sepenuhnya dengan pendapatan ibunya yang bekerja sebagai promoter sejak ayahnya menghidap penyakit strok pada 2010.

Menyedari kesusahan ibunya dan bertanggungjawab sebagai anak sulung dari-

pada tiga orang adik beradik, beliau menggunakan sepenuhnya masa cuti semester untuk mencari pekerjaan.

"Biasanya pada cuti semester, saya akan mencari pekerjaan bagi mengurangkan beban ibu saya, yang hanya mempunyai gaji dibawah RM1,000.

"Saya suda biasa bekerja pada waktu cuti sekolah ... Sejak berumur 13 tahun lagi saya sudah mulai mencari pekerjaan setiap cuti sekolah.

"Di UMS juga, saya menggunakan setiap cuti semester dengan bekerja di mana-mana syarikat yang mempunyai kekosongan bagi meringankan bebanan ibu," katanya ketika ditemui pada Majlis Makan Malam Regimental PALAPES UMS, di sini, pada malam Selasa.

Christopher atau lebih mesra dengan panggilan Chris juga adalah anggota Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Laut, sebuah pasukan beruniform yang dilatih oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

"Pengalaman menganggotai pasukan PALAPES Laut sangat berharga. Di sini kami diajar bagaimana untuk menggu-

nakan masa secara berkualiti selain didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang membentuk disiplin dan jati diri yang tinggi.

"Sebagai ahli PALAPES, kami diberi elaun dan saya gunakan elaun itu untuk membiayai makan minum dan keperluan saya sepanjang pegajian di UMS," tambahnya.

Ketekunan pemuda ini nyata cukup membanggakan kerana pencapaiannya yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik malah mendapat pengiktirafan Majlis Istiadat Pentauliah Diraja Pegawai Kadet PALAPES Ke-33 baru-baru ini, di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak.

Chris diumumkan sebagai Penerima Anugerah Akademik Terbaik PALAPES UMS.

"Saya sangat berterima kasih kepada para pensyarah dan rakan-rakan di UMS yang sentiasa memberi sokongan dan tunjuk ajar kepada.

"Ke,ayaan ini adalah hadiah untuk ibu dalam keluarga saya yang saya sayangi," katanya.